

Pemakaian wanita bukan penyebab jenayah seks

U.M 13/10/00

KUALA LUMPUR 12 Okt. — Sebuah pertubuhan wanita, Sisters In Islam menyifatkan peristiwa rogol dan bunuh yang menimpa jurutera komputer di Klang, Sabtu lalu, membuktikan bahawa cara pemakaian seseorang wanita bukannya penyebab kepada jenayah seksual.

Dalam kenyataannya hari ini, pertubuhan wanita Islam itu menganggap kejadian rogol dan pembunuhan ke atas Allahyarham Noor Suzaily Mukhtar berlaku kerana dorongan jenayah oleh kaum lelaki yang ingin membuktikan kongkongan dan dominasi mereka ke atas kaum wanita.

“Wanita dirogol bukan kerana cara pemakaian mereka tetapi perkara ini terjadi disebabkan oleh kehendak lelaki yang mahu menunjukkan kuasa dengan cara menguasai mereka yang lemah dan kecil.

“Oleh itu kami menggesa para pemimpin politik lelaki menunjukkan teladan bagi mengubah persepsi masyarakat terhadap wanita dengan menganggap golongan kami sebagai manusia yang setaraf, bermaruah dan dihormati,” kata kenyataan itu lagi.

Pertubuhan itu menyatakan demikian ketika mengulas peristiwa yang menimpa Noor Suzaily, 24, yang dirogol dan dibunuh oleh seorang lelaki dipercayai seorang pemandu di dalam sebuah bas ekspres di Klang. Mayatnya ditemui dalam keadaan bogel Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Klang, Asisten Komisioner Karn Karn Peng berkata, mangsa mati dipercayai selepas dijerut dengan kain tudungnya sendiri di leher selepas dirogol dan diliwat oleh lelaki itu.

Dalam pada itu, Sisters In Islam juga meminta kerajaan mengambil perhatian serius berhubung kejadian itu dengan mewajibkan syarikat-syarikat pengangkutan awam melakukan siasatan menyeluruh sebelum mengambil pekerja agar keselamatan awam terjamin.